


Berita Ba@UTeM

www.utem.edu.my | edisi Jun 2013



UTeM JALIN KOLABORASI STRATEGIK Dengan PERANCIS



UTeM Bawa Cabaran
Malaysia Ke Hong Kong



**Pakar Teknologi IBM
Curah Khidmat Kepada
UTeM**



UTeM Perluas
Platform Apple
Dalam
Pembelajaran



Kenderaan Amfibia
'ZRT Tupai Merah'
Kebanggaan UTeM

UTeM Bawa Cabaran Malaysia Ke Hong Kong

UTeM terus melakar kejayaan membanggakan apabila muncul sebagai johan seterusnya melayakkan diri mewakili negara dalam pertandingan Materials Lecture Competition 2013 (MLC 2013) yang diadakan baru-baru ini di Kuala Lumpur.

Pada pertandingan tersebut, Farahani Irma Nazari, pelajar sarjana dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan mengenepikan cabaran peserta dari universiti-universiti awam dan swasta untuk bergelar johan keseluruhan melalui syarahannya yang menjelaskan penggunaan bahan alternatif dalam penghasilan baja urea untuk masa depan bumi yang lebih hijau dan selamat.

Tajuk 'CaLS for Green Fertilizer and Greener Earth' membawa tuah kepada Farahani apabila penyelidikannya terhadap bahan calcium lignosulphonate dikenalpasti berpotensi menggantikan bahan formaldehyde (formaldihaid) dalam penghasilan baja urea.



Farahani ditemui berkata, penggunaan bahan tersebut menjadikan baja yang dihasilkan lebih selamat dan seterusnya menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.

Sementara itu, pensyarah kanan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Prof. Madya Dr. Jariah Juai selaku mentor kepada Farahani berkata, pertandingan syarahan itu dianjurkan Institut Bahan Malaysia dengan kerjasama Institute of Materials, Minerals and Mining (IOM3) Cawangan Malaysia.

Jelas Dr. Jariah, kejayaan tersebut melayakkan UTeM mewakili negara ke pertandingan akhir peringkat antarabangsa yang dijadualkan berlangsung pada bulan Oktober ini di Hong Kong.

Selaku johan Farahani membawa pulang hadiah wang tunai RM 3,000 berserta sijil penghargaan dan akan mewakili Malaysia di pertandingan akhir di Hong Kong.

Isi Kandungan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Jun 2013

- | | | |
|--|---|--|
| <p>2
UTeM Bawa Cabaran Malaysia Ke Hong Kong</p> <p>3
UTeM Jalin Kolaborasi Strategik Dengan Perancis</p> <p>4
UTeM Perluas Platform Apple Dalam Pembelajaran</p> <p>5
Pakar Teknologi IBM Curah Khidmat Kepada UTeM</p> <p>6
Program Pengambilan Pensyarah Di Jakarta
Warga HEPA Diseru Laksana Tugas Cemerlang Lahirkan Graduan Terbilang</p> <p>7
Pelajar FTK Harumkan Nama UTeM Di Perlantikan Perancangan Perniagaan 2013 (MBIPC 2013)</p> <p>8
Program MANTAP Sunilk Kecemerlangan Akademik Pelajar</p> | <p>9
4 Pensyarah FPTT Dipilih Serial Wise</p> <p>10
Penjanaan Budaya Inovasi Melalui Perlantikan Rekaicia Mahasiswa Kejuruteraan Pembuatan Semarakkan Keusahawanan Di UTeM</p> <p>11
UTeM Terus Jadi Pilihan Pelajar Peringkat Diploma</p> <p>12
FPTT Terap Pengalaman Pelajar Melalui Lawatan Industri
UTeM Jadi Inspirasi Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tiang Chandi</p> <p>13
Karnival My3L Promosikan Peluang Pengajian di IPTA
Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Graduan 2013 Serlahkan UTeM</p> <p>14
UTeM Tuan Rumah Mesyuarat MAPITA Pusat Komputer Anjur Gotong Royong Ceriakan Bangunan</p> | <p>15
Asri Yaakub Dinobat Pelajar Gemilang UTeM 2012</p> <p>16
Kenderaan Amfibia 'ZRT Tupai Merah' Kebanggaan UTeM</p> <p>17
UTeM Tuan Rumah Mesyuarat MAPUM UTeM Komited Perkasakan Program Pascasiswazah</p> <p>18
Penerbit Universiti dan HRD Anjur Bengkel E Book dan Bengkel Penyuntingan</p> <p>19
Kaktangan UTeM Berlada Bersama Naib Canselor
Pasukan Gabungan HEPA dan Perpustakaan Johan Sepak Takraw Sukan Antara Jabatan</p> <p>20
Iklan Buku Penerbit</p> |
|--|---|--|



UTeM JALIN KOLABORASI STRATEGIK DENGAN PERANCIS

4 Jun : UTeM meneruskan langkah dalam usaha menjadikan universiti itu sebuah institusi teknikal tersohor di rantau ini dengan menjalin kerjasama strategik dengan organisasi antarabangsa dan tempatan.

Bertempat di Kampus Industri, telah berlangsungnya majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara UTeM dengan universiti dari Perancis dan syarikat industri multinasional.

Pada majlis tersebut, UTeM memeterai persefahaman dengan organisasi dari Perancis iaitu Universite de Versailles dan D'Assault Systemes manakala MAWEA Industries dan DreamEdge merupakan syarikat tempatan yang turut terlibat dalam kerjasama itu.

Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan ketika berucap berkata, kolaborasi yang dijalankan dengan organisasi tersebut bakal mengangkat UTeM ke tahap yang lebih tinggi khususnya dalam bidang penyelidikan dan inovasi, kerjasama pembangunan akademik di samping menghasilkan modal insan berkualiti tinggi.

Hadir sama Atase Pengajian Tinggi dan Sains Kedutaan Perancis, Dr. Mathieu Guerin; Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi, Datuk Md Yunos Husin serta Pengurus Lembaga Pengarah UTeM, Datuk Ir. Dr. Hj. Ahmad Zaidee Laidin.

Dalam sidang media, Dr. Ahmad Yusoff menjelaskan bahawa jalinan strategik itu bertindak sebagai platform untuk mengukuhkan UTeM melalui kerjasama universiti di Perancis dan hubungan erat dengan pemain industri yang disifatkannya bakal memberi manfaat bersama.

"Kolaborasi ini bakal mewujudkan rangka kerja bagi memudahkan perundingan, kerjasama dalam bidang penyelidikan yang memberi faedah bersama, pengajaran dan pembelajaran serta pertukaran pelajar dan staf antara organisasi terlibat," jelas beliau.



UTeM Perluas

Platform Apple Dalam Pembelajaran

13 Jun : UTeM terus memperkasakan aspek pengajaran dan pembelajaran dengan penggunaan teknologi terkini dari Apple Inc.

Hari ini berlangsungnya bengkel pembangunan e-kandungan iBook bertajuk 'Apple Learning Tour' yang dikendalikan oleh dua orang jurulatih dari Apple Malaysia.

Seramai 30 orang pensyarah mewakili setiap fakulti dan pusat menghadiri bengkel tersebut yang bertujuan membimbing peserta tentang penggunaan teknologi Apple untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.


Peserta diajar cara-cara membangunkan iBook menggunakan iBook Author bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan pelbagai aplikasi lain seperti Explain Everything dan iLife.

Selain itu, peserta juga diperkenalkan dengan perkakasan Apple seperti iPad, Apple TV dan Airport Express. Setiap peserta berpeluang membangunkan satu iBook ringkas dan memasang iBook tersebut ke iPad yang dibekalkan setiap satu oleh pihak Apple kepada peserta.

Hadir sama mengikuti program tersebut, Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan.

"Bengkel ini adalah permulaan kepada inisiatif UTeM untuk memacu kecemerlangan pendidikan teknikal melalui e-pembelajaran", ujar Dr. Ahmad Yusoff ketika ditemui.

Beliau turut menjelaskan bahawa UTeM telah pun menggunakan platform Apple dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, pembangunan dan urusan pentadbiran sejak tahun 2002 dan terkini, makmal komputer Apple Mac turut dilengkapkan di Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK).



Pakar Teknologi IBM Curah Khidmat Kepada UTeM

20 Jun : UTeM telah dikunjungi oleh pakar-pakar teknologi antarabangsa dari IBM Corporation yang menjayakan program khidmat korporat melibatkan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK).

Menurut pensyarah kanan FTMK, Dr. Massila Kamalrudin berkata, program khidmat korporat IBM telah dimulakan sejak tahun 2008 lagi melibatkan lebih 1,500 kakitangan syarikat itu di seluruh dunia yang ditempatkan di pelbagai organisasi dan diberi tugas menambahbaik serta menyumbang ke arah kerjasama erat di antara IBM dan organisasi terlibat.

"Pada tahun ini, seramai 12 orang pakar teknologi dari IBM telah memilih UTeM, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dan World Youth Foundation untuk melaksanakan program khidmat korporat tersebut," jelas Dr. Massila ketika ditemui.

Katanya lagi, seramai tiga orang pakar IBM dari Perancis, India dan Austria telah berkampung di UTeM dan menjalankan kajian terperinci terhadap ko-kurikulum fakulti serta mengenalpasti aspek penyelidikan bersama yang boleh dilaksanakan.

"Melalui program khidmat korporat tersebut, beberapa pencapaian memberangsangkan telah dicapai antaranya jalinan kerjasama akademik, siri ceramah berkaitan peranan IBM, kajian kerjasama penyelidikan serta komitmen organisasi itu dalam memberi pendedahan industri kepada mahasiswa UTeM," jelas Dr. Massila.

Satu majlis penutup telah berlangsung di Kampus Induk UTeM yang disempurnakan Penolong Naib Canselor, Prof. Dr. Muhammad Ghazie Ismail serta turut dihadiri Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Datuk Dr Teoh Siang Ching.

Untuk rekod, program khidmat korporat IBM telah melibatkan pelbagai komuniti dari negara seperti Brazil, Chile, Ghana, Tanzania, Mesir, Kemboja, Kazakhstan, Morocco termasuk Malaysia.



Program Pengambilan Pensyarah di Jakarta



19 Jun : Program pengambilan pensyarah antarabangsa adalah satu program yang dirangka khusus oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar untuk mendapatkan tenaga pengajar yang berkualiti dan mampu menyumbang kepada pembangunan Universiti.

Program itu bertujuan untuk memenuhi keperluan di fakulti dalam bidang kritikal dan telah dilaksanakan secara agresif sejak tahun 2009 melibatkan negara Indonesia, United Kingdom dan India.

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar telah mengadakan program pengambilan pensyarah antarabangsa bertempat di Crowne Plaza Hotel Jakarta, Indonesia.

Delegasi UTeM bagi program ini diketuai oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan bersama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Prof. Dr. Shahrin Sahib@Sahibuddin dan Timbalan Pendaftar Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Mohd Azmi Mat Said.



Warga HEPA Diseru Laksana Tugas Cemerlang Lahirkan Graduan Terbilang

20 Jun : Kakitangan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) diseru untuk terus melaksana amanah dan tanggungjawab menjaga kebijakan pelajar serta produktif agar peranan yang diberikan akan memberi kesan yang mendalam kepada pelajar.

Demikian ditegaskan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid dalam satu majlis taklimat dan ramah mesra bersama lebih 100 kakitangan HEPA di Auditorium Canselori, Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini.

Dalam amanatnya, Dr. Izaidin berharap agar kakitangan HEPA mementingkan dua perkara utama untuk membantu pelajar dari segi pembangunan sahsiah dan menyediakan perkhidmatan terbaik kepada golongan itu.

Pejabat HEPA mempunyai lima bahagian utama iaitu Bahagian Pembangunan Pelajar yang mengandungi Unit Keusahawanan Pelajar, Unit Kebudayaan dan Warisan, Unit Kepimpinan & Aktiviti Pelajar dan Unit Integriti & Sahsiah Pelajar dan Badan Beruniform serta Unit Perhubungan dan Komunikasi Pelajar.

Manakala Bahagian Perkhidmatan Pelajar mempunyai Unit Kebajikan Pelajar, Unit Penempatan Pelajar, Unit Alumni & Kerjaya dan Mobiliti Pelajar serta Unit Kaunseling Pelajar.

Bagi Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, terdapat unit di bahagian tersebut antaranya Unit Pentadbiran, Unit Kewangan serta dua buah pusat terpenting iaitu Pusat Kesihatan Pelajar dan Pusat Sukan.

Pada majlis itu, Dr. Izaidin turut diperkenalkan kepada kakitangan setiap jabatan dan unit serta fungsi jabatan oleh ketua bahagian masing-masing.

MSC Malaysia-IHL Business Plan Competition 2012/2013

Awards Ceremony

MIBPC
2012/2013

IDEA
SMART
PLAN

MBIPC
2012/2013

CAPITALISING
INNOVATIVE
IDEAS



Harumkan

Pelajar FTK

Nama UTeM di Pertandingan Perancangan Perniagaan 2013

(MIBPC2013)

5 Jun : Satu lagi kejayaan membanggakan telah dicatat oleh pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) apabila berjaya merangkul tempat ke-3 kategori idea perniagaan bagi pertandingan MSC Malaysia IHL Business Plan Competition (MIBPC) Master Series 2012/2013 yang berlangsung di Cyberjaya baru-baru ini.

MIBPC merupakan salah satu usaha MSC bagi mencungkil bakat-bakat dari Institusi-institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam melahirkan generasi berminda usahawan dan kemahiran untuk mencipta, berinovasi, merekabentuk dan membangunkan perniagaan berdaya maju. Melalui pertandingan ini, peserta perlu mengenangkan idea-idea bernes serta mampu dikomersialkan.

Produk "Magic Subtitler" dihasilkan oleh kumpulan 'Sorcerer' diwakili tiga orang pelajar tahun pertama dari Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik iaitu Muhd Afif Zulhilmi

Sahariman, Nor Saadah Mohamad dan Izzat Aminudin Muhd Salji di bawah seliaan Engr. Mohd Farriz Hj. Md. Basar.

Produk itu merupakan sebuah perisian pintar yang mampu memaparkan sarikata dalam pelbagai bahasa untuk sesebuah video atau rancangan seperti video dalam Bahasa Arab boleh diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dengan aplikasi yang mesra pengguna.

Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff turut melahirkan rasa bangga dengan pencapaian itu dan memuji kesungguhan yang ditunjukkan oleh pelajar dan tenaga pengajar menghasilkan produk inovasi bermutu tinggi.

MSC Malaysia-IHL Business Plan Competition 2012/2013 Awards Ceremony





18 Jun : Kecemerlangan akademik dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi merupakan agenda utama yang diberi penekanan oleh sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam usaha melahirkan graduan profesional.

Bersandarkan kepada senario itu maka Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) menerusi Jawatankuasa Penasihat Akademik telah menganjurkan Program Mahasiswa Ampuh Nilai Teras Agenda Perjuangan (MANTAP) baru-baru ini.

Program MANTAP telah berlangsung di Dewan UTeM 1, Kampus Industri, Ayer Keroh melibatkan seramai 45 orang mahasiswa dan mahasiswi fakulti itu.

Menurut Dekan FTK, Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff berkata, program MANTAP dianjurkan untuk memupuk kesedaran dan suntikan semangat kepada pelajar dalam memperkemasakan budaya akademik dan pembelajaran cemerlang di universiti.

"Program ini juga berperanan dalam menjelaskan lagi konsep dan kaedah pembelajaran yang lebih efektif kepada peserta dalam mengharungi sistem pengajian di FTK secara khususnya dan UTeM secara amnya," jelas Rahimi.

Tambah beliau, program MANTAP merupakan anjuran kali ketiga pada tahun ini di mana iaanya telah berjaya menyuntik perubahan positif yang ketara dalam diri peserta.

Program itu dijayakan dengan syarahan motivasi daripada Timbalan Dekan Akademik Ahmad Zubir Jamil. Antara pengisian lain yang turut dilaksanakan adalah seperti slot 'Teknik Belajar Berkesan', 'Menara Tertinggi dan Deria Mendesak'.

Pada majlis penutupnya pula menyaksikan peserta terlibat dengan penuh semangat melaungkan "FTK BOLEH" bagi menunjukkan semangat bahawa mereka berkeupayaan mencipta perubahan dan meningkatkan pencapaian akademik pada masa akan datang.

Program MANTAP

Suntik
Kecemerlangan
Akademik Pelajar





4 Pensyarah FPTT dipilih Sertai WISE (Women in Social Enterprise)

2 Jun : Seramai empat orang pensyarah Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) telah dipilih menjalani Bengkel Training of Trainers (TOT) Women in Social Enterprise (WISE) baru-baru ini.

WISE merupakan satu program keusahawanan sosial peringkat kebangsaan hasil kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Program tersebut merupakan antara pelan tindakan sepertimana yang digariskan dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Nasional (PSPTN) berkaitan peranan Institut Pengajian Tinggi (IPT) terhadap pembangunan masyarakat.

Pensyarah FPTT yang mengikuti bengkel tersebut terdiri daripada Isma Addi Jumbri, Dr. Yusri Arshad, Albert Feisal @ Muhd Feisal Ismail dan Azrina Othman.

Menurut Isma Addi selaku Ketua Penyelaras WISE UTeM berkata, program itu menerapkan nilai-nilai keusahawanan dan jati diri pelajar melalui keusahawanan sosial, meningkatkan peranan IPT dalam penyebaran ilmu kepada masyarakat, memberikan kemahiran perniagaan khususnya kepada usahawan mikro di bawah program AIM dan meningkatkan kerjasama strategik IPT dan industri dalam pembangunan masyarakat.

"Program ini mirip kepada program anak angkat dan khidmat bakti masyarakat di mana dua orang pelajar akan tinggal bersama keluarga angkat yang merupakan usahawan mikro di bawah program AIM atau lebih dikenali sebagai

SAHABAT AIM selama sebulan," jelas Isma Addi.

Katanya lagi, pelajar terlibat akan membantu usahawan itu dalam menguruskan perniagaan di samping memberi cadangan dalam meningkatkan keupayaan perniagaan mereka.

Dalam pada itu, pelajar akan diberikan latihan modul asas kemahiran perniagaan iaitu Analisis Persekitaran Perniagaan, Asas Pemasaran, Asas Perakaunan dan Asas Pengurusan Kewangan sebelum ditempatkan dengan keluarga angkat.

Isma Addi melahirkan harapan agar program WISE dapat membentuk pelajar yang cemerlang dan menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan seterusnya melonjakkan pencapaian ekonomi negara.



PENJANAAN BUDAYA INOVASI Melalui Pertandingan REKACIPTA

18 Jun : Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) terus perkasaikan bidang penyelidikan mereka seiring dengan konsep pengajian berteraskan amalan dan kompetensi.

Terbaru, Jabatan Teknologi Kejuruteraan Elektrik telah menganjurkan Pertandingan Inovasi melibatkan seramai 218 pelajar terdiri daripada pelajar-pelajar tahun pertama dan kedua jabatan tersebut.

Produk yang diberi nama "DASH-13" telah berjaya memikat hati juri untuk bergelar juara bagi kategori pelajar tahun pertama. Mereka membawa pulang hadiah wang tunai RM 200 selain pingat dan sijil penyertaan.

Produk tersebut berkonsept keselamatan pengguna di mana enjin motorsikal yang akan ditunggang tidak akan berfungsi lagi penunggang tidak memakai topi keledar dengan sempurna.

Pensyarah FTK, Muhammad Sharil Yahaya selaku penasihat kepada pertandingan itu melahirkan rasa bangga dengan kemajuan dan pencapaian yang telah ditunjukkan oleh setiap peserta terhadap produk inovasi yang dihasilkan.

Beliau berharap dengan memberi pendedahan yang awal seperti ini kepada pelajar akan dapat menyuntik semangat mereka untuk melangkah ke peringkat yang lebih tinggi lagi.



Mahasiswa Kejuruteraan Pembuatan Semarakkan Keusahawanan di UTeM



18 Jun : Persatuan Jurutera Pembuatan (SME) UTeM baru-baru ini menganjurkan aktiviti keusahawanan mahasiswa dengan membuka gerai jualan pada Pameran Produk Design And Development (PDD) yang berlangsung di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Kampus Induk.

Usaha yang dipelopori oleh jawatankuasa keusahawanan SME dilihat amat bertepatan dengan hasrat kerajaan yang ingin melahirkan usahawan berjaya meskipun mahasiswa fakulti itu berlatarbelakangkan kejuruteraan pembuatan.

Menurut Presiden SME, Mohd Izzat berkata, program jualan itu adalah aktiviti pertama dilaksanakan oleh persatuan itu setelah berlangsungnya pemilihan jawatankuasa baru-baru ini.

"Kami berharap program pemula ini akan menjadi titik tolak dalam terus menganjurkan aktiviti keusahawanan mahasiswa kerana SME pernah menjadi persatuan fakulti paling aktif di UTeM satu ketika dahulu dan kami akan memulakan kembali momentum itu" kata Izzat lagi.

Katanya lagi, program tersebut menunjukkan daya saing tinggi dalam kalangan mahasiswa untuk membuktikan mereka boleh berjaya dalam bidang diceburi walaupun ianya bukan teras utama pembelajaran mereka.

Pameran Produk Design and Development adalah program tahunan diadakan untuk mempertandingkan rekacipta mahasiswa tahun dua Fakulti Kejuruteraan Pembuatan yang diadili oleh juri profesional dari dalam dan luar fakulti.

Seramai 300 mahasiswa menyertai program itu dan secara langsung telah membantu program keusahawanan yang telah dilaksanakan oleh SME.



2 Jun : Kaedah pembelajaran yang praktikal dan berfokus dalam bidang kejuruteraan, ICT dan teknologi kejuruteraan adalah merupakan faktor utama UTeM terus menjadi pilihan untuk melanjutkan pengajian di negara ini.

Menurut Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, kecemerlangan UTeM dalam bidang penyelidikan di peringkat global serta kemampuan universiti ini dalam menghasilkan graduan berketrampilan dan berkemahiran tinggi serta memenuhi kehendak industri turut menjadi penyumbang kepada peningkatan pelajar di UTeM.

"Kemasukan golongan pelajar perintis ini sangat penting dan memberi makna besar dalam usaha melahirkan golongan profesional sejajar dengan hasrat negara ke arah menjadi negara berpendapatan tinggi dan seterusnya mencapai wawasan 2020" ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui semasa hari pendaftaran pelajar baharu program diploma di Kampus Induk baru-baru ini. Seramai 225 orang pelajar telah mendaftar untuk melanjutkan pengajian dalam bidang diploma bagi sesi 2013/2014.

Dr. Ahmad Yusoff juga meluangkan masa meninjau proses pendaftaran pelajar serta melawat asrama kediaman dan beramah mesra dengan ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka pada hari tersebut.

UTeM TERUS JADI PILIHAN PELAJAR PERINGKAT DIPLOMA





FPTT TERAP PENGALAMAN PELAJAR melalui

Lawatan Industri

17 Mei : Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT) terus menggiatkan aktiviti lawatan industri dalam usaha memberi pengalaman dan ilmu pengetahuan dengan lebih berkesan kepada pelajarnya.

Seramai 73 pelajar tahun pertama fakulti itu telah mengadakan lawatan industri ke PRYM Consumer Malaysia Sdn Bhd (PRYM) yang terletak di Tanjung Kling, Melaka.

Ditubuhkan pada tahun 1973, syarikat berasal dari Jerman itu menjalankan operasi pembuatan barang keperluan jahitan dan kini memberi peluang pekerjaan kepada 250 orang penduduk setempat bekerja di situ.

Dalam rangka lawatan tersebut, pelajar turut mengikuti taklimat pengurusan sumber manusia dan hubungan industri yang disampaikan oleh Pengurus Sumber Manusia PRYM, Megawati Md Sa'at.

Taklimat tersebut antara lainnya berkongsi pengalaman bersama peserta mengenai isu-isu berkaitan pengurusan sumber manusia serta penerangan terperinci mengenai amalan serta polisi sumber manusia di syarikat itu.

Menurut Pensyarah Kanan FPTT, Edna Buyong yang mengetua lawatan itu berkata, program seperti itu merupakan salah satu cara pihak fakulti memberi pendedahan secara praktikal kepada pelajar mengenai subjek pengurusan sumber manusia.

Beliau menambah, melalui lawatan tersebut, pelajarnya lebih matang untuk memahami selok belok berkaitan pengurusan sumber manusia dan kelebihan itu membezakan mahasiswa UTeM dengan universiti lain.

UTeM JADI INSPIRASI *Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tiang Chandi*

21 Jun : Kecemerlangan UTeM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah menarik minat pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Tiang Chandi, Pasir Mas, Kelantan untuk melihat dengan lebih dekat peluang pengajian di universiti itu.

Bertempat di Kampus Industri UTeM, seramai 30 orang pelajar dan empat orang guru pengiring telah mengunjungi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal bagi mendapat maklumat dan panduan melanjutkan pengajian ke universiti teknikal pertama negara itu.

Menurut guru pengiring sekolah tersebut, Wan Yusnita Wan Deris berkata, tujuan lawatan adalah untuk memperkenalkan program-program terdapat di UTeM kepada pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun ini.

"Melalui lawatan ini, pihak sekolah berharap pelajar dapat melihat sendiri suasana pembelajaran di universiti serta mengambil langkah awal untuk menetapkan haluan selepas tamat belajar kelak," jelas Wan Yusnita.

Beliau menambah, keunikan UTeM sebagai pelopor pendidikan berteraskan teknikal di negara ini menarik minat pelajar-pelajarnya untuk melanjutkan pengajian di situ.

Lawatan yang dianjurkan antara lain meninjau dengan lebih dekat kemudahan pembelajaran yang terdapat di fakulti serta taklimat berkaitan syarat-syarat kemasukan ke UTeM.

Peserta lawatan nyata tertarik dengan pelbagai kemudahan makmal berteknologi tinggi serta berpeluang melihat dengan lebih dekat penghasilan model prototaip melalui demonstrasi yang diadakan.



10 Jun : Karnival Pembelajaran Sepanjang Hayat (My3L) Peringkat Zon Selatan anjuran Jabatan Pengajian Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia baru-baru ini telah disertai UTeM untuk mempromosikan peluang pengajian di universiti ini.

Karnival yang diadakan selama dua hari bertempat di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan menimba ilmu tanpa batasan usia melalui program pembelajaran sepanjang hayat.

Menurut Penolong Pendaftar Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat UTeM, Zulfatria Abdullah berkata, karnival itu merupakan platform mempromosikan program-program pengajian yang terdapat di UTeM selain daripada kursus-kursus jangka pendek berkaitan pembelajaran sepanjang hayat.

Tambah beliau lagi, penyertaan dalam karnival itu membantu untuk meningkatkan nama dan imej UTeM serta mendekatkan hubungan di antara universiti dan penduduk negeri Melaka.

Tinjauan mendapati tapak pameran UTeM tidak putus-putus dikunjungi pelawat yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut peluang pengajian di universiti itu.

Jelas Zulfatria, UTeM sentiasa komited dalam menyebarluas peluang-peluang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi kepada masyarakat setempat melalui penyertaan dalam pelbagai program pendidikan dan komuniti.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Datuk Md Yunos Husin.

Karnival My3L Promosikan Peluang Pengajian di IPTA



KARNIVAL KERJAYA DAN KEUSAHAWANAN GRADUAN 2013 Serlahkan UTeM

16 Jun : UTeM telah menyertai Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Graduan 2013 (K3G13) anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang berakhir hari ini.

Karnival selama tiga hari yang disertai oleh semua institusi pengajian tinggi, syarikat korporat, agensi dan jabatan kerajaan merupakan inisiatif KPM untuk memberi pendedahan kepada masyarakat terutamanya pelajar dan graduan dalam merebut peluang yang terdapat dalam bidang keusahawanan.

Penyertaan UTeM di karnival itu bukan sahaja membuka peluang untuk mempromosikan program pengajian yang ditawarkan oleh fakulti-fakulti di UTeM malah ianya merupakan platform untuk menerapkan nilai dan budaya keusahawanan di kalangan masyarakat terutamanya kepada pelajar sekolah dan lepasan institusi pengajian tinggi.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan II Dato' Seri Idris Jusoh dan turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan Pengajian Tinggi KPM Dato' Hj. Nasir Mat Dam, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia, Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi Hj. Rahman dan Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan.

Dr. Ahmad Yusoff turut mengunjungi tapak pameran UTeM untuk meninjau sambutan orang ramai di samping memberi galakan dan beramah mesra dengan staf bertugas.

UTeM Tuan Rumah Mesyuarat MAPITA



25 Jun : UTeM telah dipilih sebagai tuan rumah Mesyuarat Majlis Pengarah-pengarah ICT IPTA (MAPITA) yang telah diadakan di Kampus Induk Durian Tunggal.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Pusat Komputer UTeM, sebanyak 20 IPTA terlibat termasuk wakil-wakil dari Kementerian Pendidikan pada mesyuarat yang diadakan di universiti itu.

Mesyuarat telah dipengerusikan Pengurus MAPITA yang juga Pengarah Pusat Komputer UTeM, Mohd Isa Mohd Dom.

Menurut beliau, mesyuarat tersebut membincangkan perancangan dan isu semasa pusat-pusat ICT IPTA terlibat di samping sesi pembentangan teknologi terkini oleh pihak industri yang dijemput.

"Mesyuarat ini bertindak sebagai platform untuk berkongsi maklumat dan idea dalam menambahbaik perjalanan

operasi setiap pusat ICT justeru meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti," jelas Mohd Isa.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan turut meluangkan masa beramah mesra dengan ahli-ahli MAPITA dalam satu majlis keraian yang diadakan sempena mesyuarat itu.



PUSAT KOMPUTER ANJUR GOTONG-ROYONG CERIAKAN BANGUNAN



18 Mei : Semangat kerja berpasukan dan bersikap tolong menolong sentiasa dititikberatkan oleh Pusat Komputer dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada warga universiti.

Berbekalkan semangat keserakahan Pusat Komputer menganjurkan aktiviti gotong royong bagi menampilkan kelainan di ruang pejabat di samping mengeratkan hubungan sesama staf pejabat itu.

Menurut Pengarah Pusat Komputer, Mohd Isa Mohd Dom berkata, aktiviti gotong royong yang diadakan bertujuan memperkasakan semangat kerjasama yang sedia terjalin erat dalam kalangan staf.

"Aktiviti gotong-royong sebegini memberi impak sangat besar terhadap hubungan antara staf dan secara tidak

langsung kita dapat berinteraksi dengan semua peringkat dan akhirnya berjaya mencapai matlamat," jelas Mohd Isa.

Program gotong-royong itu melibatkan kerja-kerja mengecat ruangan pejabat Pusat Komputer serta aktiviti penambahbaikan bagi mengindahkan kawasan laluan masuk ke situ.

Jelas Mohd Isa, seramai 71 orang staf dari pelbagai peringkat dan jabatan di Pusat Komputer telah menjayakan program tersebut dan maklumbalas yang diterima terhadap pengajuran itu sangat positif.

"Saya berharap aktiviti ini dapat diteruskan pada masa akan datang dan nilai-nilai seperti semangat berpasukan dan perpaduan dapat ditingkatkan demi kebaikan bersama," kata beliau.

ASRI YAAKUB

DINOBAT PELAJAR GEMILANG UTeM 2012

6 Jun : Muhammad Asri Yaakub, pelajar tahun 2 Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi dianugerahkan Pelajar Gemilang di dalam Majlis Anugerah Bakti dan Kegemilangan Pelajar 2012 yang telah diadakan baru-baru ini.

Beliau terpilih di atas sumbangannya bergiat aktif serta memegang beberapa jawatan penting seperti Presiden Sekretariat Anak Melaka (SAM), Pengarah Program Konvensyen Keusahawanan Mahasiswa IPT, Pengarah Gerai Keusahawanan Sukan IPT Negeri Melaka dan Konvo Fest UTeM di samping turut serta di dalam pelbagai program dan aktiviti pelajar anjuran universiti samada di dalam maupun luar negara.

Selaku penerima anugerah, beliau membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM 300, hamper, sijil penghargaan serta hadiah iringan.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid sewaktu berucap dalam majlis itu berkata, penganjuran program itu adalah untuk mengiktiraf sumbangan pelajar yang telah mencapai kejayaan dan mengharumkan nama universiti pada tahun 2012.



"Anugerah-anugerah yang disampaikan adalah untuk mengenang jasa bakti dan meraikan kegemilangan pelajar terutama sekali dalam aktiviti kokurikulum yang telah menaikkan nama universiti serta memberi galakan untuk terus cemerlang dalam pelbagai aktiviti," jelas Dr. Izaidin.

Anugerah Kebudayaan kategori individu dimenangi oleh Muhammad Izuddin Johari dari Kelab Kebudayaan Kasawari, Anugerah Kemasyarakatan kategori kumpulan dimenangi oleh Kelab Penyayang manakala Anugerah Persatuan Fakulti Terbaik pula dimenangi oleh Persatuan Pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal.

Pada majlis yang berlangsung di Arked Lestari Kampus Induk itu menyaksikan Kolej Kediaman Murni, D'Apartment dan Kolej Kediaman Makmur telah berjaya merangkul Anugerah Kolej Kediaman Terbaik.

Pengetua Kolej Kediaman Murni, Al Amin Mohamed Sultan ketika ditemui berkata, anugerah dirangkul itu merupakan hasil kerjasama dan sokongan padu daripada seluruh warga kolej yang berganding bahu menjayakan setiap aktiviti.





Kenderaan Amfibia **'ZRT TUPAI MERAH'**

KEBANGGAAN UTeM

11 Jun : Sekumpulan pelajar tahun akhir Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) mencipta kejutan dalam bidang inovasi apabila menghasilkan kenderaan amfibia berteknologi hibrid.

Kenderaan amfibia "ZRT Tupai Merah" dibina hasil cetusan idea pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Melaka setelah memikirkan senario tugasan menyelamat yang melibatkan darat dan air terutama pada musim banjir.

Menyahut idea itu, lima orang pelajar tahun akhir di bawah seliaan ketua penyelidik UTeM Dr. Muhammad Zahir Hassan telah membangunkan jentera amfibia khusus untuk anggota pasukan Bomba bagi operasi menyelamat. Kumpulan pelajar itu terdiri daripada Muhammad Nadzeer Alehan, Amjad Saddar Md Isa, Mohd Shazni Halid, Muhammad Fahmi Md Isa dan Razil Razali yang diberi tugas tersendiri bagi membangunkan ZRT Tupai Merah.

Menurut Muhammad Nadzeer selaku ketua pasukan, pengetahuan yang diperolehi di dalam kelas dimanfaatkan sepenuhnya untuk menghasilkan kenderaan amfibia yang dapat bergerak pantas serta berupaya melakukan kerja-kerja menyelamat.

Manakala Dr. Muhammad Zahir berkata, kenderaan amfibia berteknologi hibrid itu menggunakan kuasa bateri untuk menggerakkannya di atas darat boleh mencapai kelajuan maksimum sehingga 50 kilometer sejam manakala enjin pembakaran dalam yang dilengkapi di dalam kenderaan tersebut berfungsi sewaktu di dalam air dan boleh mencecah kelajuan maksimum 35 knot.

"Diperbuat daripada bahan komposit gentian kaca, ZRT Tupai Merah mampu menjalankan kerja-kerja menyelamat di pinggir pantai sehingga jarak 20 kilometer dan boleh memuatkan dua orang iaitu pemandu dan penumpang di bahagian belakang," jelas Dr. Zahir.

UTeM Tuan Rumah Mesyuarat MAPUM



21 Jun : UTeM dipilih sebagai tuan rumah Mesyuarat Majlis Perumahan Universiti-Universiti Malaysia (MAPUM) kali ke-53 yang telah diadakan Kampus Induk Durian Tunggal, baru-baru ini.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), seramai 40 wakil universiti dari 20 IPTA telah hadir dalam mesyuarat yang pertama kalinya diadakan di universiti ini.

Mesyuarat telah dipengerusikan Timbalan Naib Canselor (HEPA) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Prof. Ir. Dr. Amir Hashim Mohd. Kassim selaku Pengerusi MAPUM.

Jelas Dr. Amir, MAPUM berfungsi sebagai penyelaras kepada isu-isu berkaitan kolej kediaman dan perumahan di semua IPTA terutamanya melibatkan aspek keselamatan dan kesejahteraan pelajar.

"Mesyuarat ini bertindak sebagai platform untuk berkongsi maklumat dan idea dalam menambahbaik infrastruktur dan kemudahan yang terdapat di kolej kediaman bagi mewujudkan keselesaan dan suasana kampus yang berkualiti," jelas beliau lagi.

Pada mesyuarat tersebut, turut diadakan penyerahan tugas sekretariat MAPUM dari UTHM kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang diwakili oleh Prof. Datuk Dr. Abdullah Said, Timbalan Naib Canselor (HEPA) yang juga Timbalan Pengurus MAPUM.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM KOMITED PERKASAKAN PROGRAM PASCASISWAZAH

12 Jun : UTeM terus komited dalam mewujudkan kerjasama dan perhubungan yang erat di kalangan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini terutamanya dalam memperkasakan program akademik pascasiswazah di UTeM.

Kesungguhan ini dibuktikan melalui penyertaan UTeM dalam Majlis Dekan Pengajian Siswazah IPTA (MDPS) yang telah mengadakan mesyuarat kali ke-33 di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) baru-baru ini.

Menurut Dekan Pusat Pengajian Siswazah UTeM, Prof. Dr. Mohd Razali Muhamad, mesyuarat tersebut merupakan acara tahunan yang dihadiri oleh semua Dekan Pengajian Siswazah daripada 22 buah IPTA dan wakil Kementerian Pendidikan Malaysia serta Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi berkongsi idea dan pendapat berkaitan hal ehwal akademik program pascasiswazah.

Ujar beliau lagi, mesyuarat tersebut juga merupakan platform untuk mewujudkan kerjasama dan perhubungan yang erat diantara UTeM dan semua IPTA di negara ini.

Melalui kerjasama itu, UTeM bakal memperkasakan lagi inisiatif untuk menarik minat pelajar pascasiswazah untuk mengikuti pengajian di universiti tersebut.

Perasmian mesyuarat telah disempurnakan oleh Naib Canselor UNIMAS, Dato' Prof. Dr. Mohamad Kadim Suaidi.

PENERBIT UNIVERSITI DAN HRD ANJUR BENGKEL

E-BOOK DAN BENGKEL PENYUNTINGAN



6 Jun : Penerbit Universiti dan Unit Latihan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (HRD) telah menganjurkan Bengkel Penyuntingan di Pusat Konvensyen MITC, Ayer Keroh yang berakhir hari ini.

Bengkel tersebut memberi pendedahan dan melatih pensyarah serta staf Penerbit Universiti mengenai teknik dan peranan sebenar sebagai penyunting.

Menurut Pengarah Penerbit Universiti, Ruziah Ali berkata, adalah diharapkan menerusi bengkel itu ianya dapat menarik minat pensyarah untuk terlibat sebagai penyunting dalam bidang berkaitan sekaligus meningkatkan mutu penerbitan universiti.

Bengkel selama tiga hari itu telah dikendalikan oleh Khalid Mazlan, Timbalan Pengarah Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Madya Issham Ismail, Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Petroleum Kejuruteraan Tenaga Diperbaharui, UTM dan Mohd Zubli Bahak, Pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UTM.

Terdahulu, pada 27 Mei lalu, bengkel e-Book telah dianjurkan di Bilik E-Learning, Pusat Pengajaran dan Pembelajaran, Kampus Bandar.

Bengkel yang disertai 20 orang peserta di kalangan staf akademik dan Penerbit Universiti itu memberi fokus terhadap peluang-peluang yang boleh dijadikan panduan ke arah penerbitan elektronik.

Bengkel berkenaan telah dikendalikan oleh Prof. Dr. Mohamed Amin Embi Timbalan Pengarah (e-Pembelajaran) Pusat Pembangunan Akademik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



KAKITANGAN UTeM Beriadah Bersama NAIB CANSELOR



11 Jun : Seramai 200 orang mengikuti aktiviti Riadah Bersama Naib Canselor di Kompleks Sukan Kampus Induk baru-baru ini.

Peserta terdiri daripada kakitangan Pejabat Pendaftar, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) dan Pusat Jaminan Kualiti dan Aktreditasi (PJKA) bersama Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan menjalankan aktiviti berjalan pantas di stadium universiti itu.

Menurut Ketua Pusat Sukan UTeM, Dr. Asiah Mohd Pilus berkata, program anjuran Pusat Sukan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) diadakan secara bergilir meliputi setiap fakulti dan jabatan bagi menggalakkan gaya hidup sihat dengan melakukan aktiviti riadah. Jelasnya lagi, program yang diatur bertujuan mempromosikan aktiviti riadah serta menanam minat dalam kalangan staf untuk bergiat cergas dalam sukan seterusnya melahirkan warga universiti yang sihat.

Turut hadir di dalam program itu Pendaftar, Datuk Hassan Sirun, Bendahari, Khairul Taib, Dekan FTMK Prof. Madya Dr. Mohd. Khanapi Abd. Ghani dan Pengarah PJKA Prof. Madya Shahdan Md. Lani. Acara riadah dimulakan dengan regangan otot, senamrobik dan diteruskan dengan berjalan pantas mengelilingi trek olahraga di Stadium UTeM.

Dr. Ahmad Yusoff yang ditemui dalam program itu melahirkan rasa gembira di atas sambutan ditunjukkan oleh semua pihak untuk menjayakan segala aktiviti yang dirancang.

"Setakat ini pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya berbasikal lasak mengelilingi kampus, berjalan pantas serta sukan dalaman (indoor games) yang mana dapat mengeratkan hubungan sesama staf universiti," kata Dr. Ahmad Yusoff.

Pasukan Gabungan HEPA dan Perpustakaan **JOHAN** Sepak Takraw Sukan Antara Jabatan



5 Jun : Pasukan gabungan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dan Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) muncul johan pertandingan sepak takraw Sukan Antara Jabatan (SAJ) 2013 yang diadakan di Kompleks Sukan UTeM baru-baru ini.

Pasukan itu menewaskan pasukan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) dengan kiraan mata 2-1.

Tempat ketiga diraih oleh Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) setelah menewaskan pasukan gabungan Pejabat Bendahari, Penerbit Universiti dan Pusat Islam dengan kiraan mata 2-1. Hadiah telah disempurnakan oleh Pegawai Belia dan Sukan UTeM Mohd. Fairuz Aswad Zauwawi.

Sementara itu, menurut Pengerusi Jawatankuasa Teknik Pertandingan, Mohammad Hadzri Ahmad berkata, pengajuran pertandingan yang disertai oleh 12 buah pasukan itu bertujuan mencungkil bakat-bakat baharu bagi mewakili UTeM pada pertandingan Sukan Antara Universiti Malaysia (SUKUM) yang akan diadakan di Universiti Teknologi Malaysia pada bulan September nanti.

EDITORIAL Berita UTeM

KETUA EDITOR :



Fazidah Ithnin

WARTAWAN :



Zulfatria Abdullah



Bob Faizeli Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :



Aziza Md Buang



Ahmad Saufie Jaffar



Norhayati Yakob

JURUFOTO :



Md. Nor Mohamad Salle



Asri Abu



Nurulidayu Talib



Mohd Farid Supangi

PENGEDARAN :



Yang Sarinah Mohd Talib




Mohammad Taufik Osman

BUKU TERBARU 2013




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
PENERBIT UNIVERSITI

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi;
PENERBIT UNIVERSITI, KAMPUS BANDAR,
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA
MELAKA, ARAS 1, BLOK B, JALAN HANG TUAH,
75300 MELAKA. MALAYSIA.
TEL: +606 - 283 3377 / 3381, FAKS : +606 - 283 3019




IDEA PERNIAGAAN MIKRO
978-967-0257-17-4
MOHD TAIB DORA, MOHAMAD
ZAHIR ZAINUDIN, RUZIAH ALI

RM 66.00




ADOBE FLASH CS5
PROFESSIONAL INCLUDES EXERCISE FILES AND TRAINING VIDEO
978-967-0257-19-8
NORASIKEN BAKAR, FAAIZAH SHAHBODIN

RM 86.00



Kecerdasan Emosi Cemerlang
978-967-0257-18-1
SYED NAJMUDDIN SYED HASSAN

RM 57.00



PEOPLE DEVELOPMENT SYSTEM FOR LEAN PROCESS MANAGEMENT IMPLEMENTATION
978-967-0257-27-3
PUVANASVARAN A. PERUMAL

RM 66.00



BOLEH DIDAPATI DI
**PENERBIT
UNIVERSITI @
KOPERASI UTeM**